

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Sinar Harian
Date	19/07/2017C

Nothing To Hide 2 bukan pentas terbaik untuk selesai masalah

*Sinar Harian - 19/7/2017 Pg. 2*

SHAHALAM - Program *Nothing To Hide 2* tidak perlu diadakan kerana bukan pentas menyelesaikan masalah, sebaliknya terus menimbulkan rasa tidak puas hati di pihak Pengerusi Bersatu, TunDrMahathir Mohamad.

Ketua Penerangan Pemuda Umno, Jawawi Jaafar berkata, jawapan yang cuba dirungkaikan oleh Mahathir pada program itu sebenarnya sudah dijawab Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"Melihat kepada sikap Mahathir ketika ini, meskipun pelbagai jawapan diberi, pasti akan ada rasa tidak puas hati, kecuali ada kepentingan politik kepadanya.

"Lihat sahaja pendirian dia terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim, dulu pelbagai tuduhan dibuat, tapi sekarang dia boleh berdamai apabila ada kepentingan politik untuknya," katanya.

Katanya, zaman pentadbiran Mahathir sudah berlalu, berilah peluang kepada Najib memerintah mengikut caranya.

"Sekarang ini masa Najib tadbir negara, kami orang muda melihat apa yang dilakukan Najib adalah untuk kepentingan rakyat secara keseluruhannya, tidak melibatkan kroni, tiada kepentingan untuk anak-anak.

"Kami pun tidak mahu banding-banding apa yang dahulu dan kini. Kita pun tidak mahu mengaibkan mana-mana pihak," katanya.

**Kami pun tidak mahu banding-banding apa yang dahulu dan kini. Kita pun tidak mahu mengaibkan mana-mana pihak." - Jawawi**